

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2/1992**

### **DASAR PINDAHMILIK TANAH PKINK, KESEDAR DAN YAKIN KEPADA SYARIKAT, BADAN DAN ORANG PERSEORANGAN BUKAN MELAYU**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 11 Mac 1992 semasa menimbang Kertas Bil. 6/193/92 (43) telah mengkaji semula dasar pindahmilik tanah-tanah kepunyaan Agensi Kerajaan seperti PKINK, YAKIN dan KESEDAR kepada Syarikat, Badan dan Orang Perseorangan Bukan Melayu.

2. Mengikut keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 18 April 1990 semasa menimbang Kertas Bil. 8/247/90(8) Kerajaan telah menetapkan dasar sebagaimana Pekeliling P.T.G. KN. Bil. 6/90.
3. Mengikut Pekeliling tersebut (6/90) semua permohonan pindahmilik oleh PKINK, YAKIN dan KESEDAR kepada Bukan Melayu yang telah melebihi kuota 50% tidak lagi diangkat untuk pertimbangan Y.A.B. Menteri Besar.
4. Hal ini telah dibincang di dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 11 Mac 1992 dan telah membuat keputusan seperti berikut. Bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh badan berkanun seperti PKINK, YAKIN dan KESEDAR :-

- a) Bagi tanah kategori perindustrian (perusahaan), 50% boleh dijual kepada Orang-Orang Bukan Melayu atau Syarikat kepunyaan Orang-Orang Bukan Melayu. Walau bagaimanapun pihak agensi berkenaan boleh mengemukakan permohonan-permohonan yang telah melebihi kuota 50% untuk diangkat bagi pertimbangan Y.A.B. Menteri Besar, berdasar kepada merit bagi setiap kes, mengikut kuasa yang diperturunkan kepadanya bagaimana Warta Kerajaan Kelantan KN.PU. 15 bertarikh 9 Oktober 1980.
- b) Bagi tanah-tanah kategori bangunan (sama ada untuk rumah kediaman atau rumah kedai) PKINK, YAKIN dan KESEDAR hendaklah ditakrifkan sebagai Orang-Orang Melayu. Oleh itu tanah-tanah yang dimiliki oleh badan yang tersebut seboleh-bolehnya hendaklah dijual 100% kepada Orang-Orang Melayu. Sekiranya tidak ada sambutan dari kalangan Orang-Orang Melayu barulah permohonan untuk menjual sebahagian daripadanya kepada Orang-Orang Bukan Melayu boleh diangkat untuk pertimbang Y.A.B. Menteri Besar Kelantan mengikut kuasa yang diperturunkan kepadanya dengan ketentuan bahawa penjualan kepada Orang-Orang Bukan Melayu atau Badan Kepunyaan Orang-Orang Bukan Melayu itu tidak melebihi 15%.

5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling P.T.G.KN. 2/88. Manakala Pekeliling P.T.G.KN. 6/90 adalah dibatalkan.

**t.t**  
**(Haji Ashaari Azmi Bin Haji Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd. Rozali bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan.
6. Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.A.Brs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
9. Y.A.Brs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
10. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
11. Y.A.Brs. Pengurus Besar KESEDAR
12. Y.A.Brs. Pengurus Besar PKINK
13. Y.M. Tengku Pengarah YAKIN

**FAIL: P.T.G.KN. SULIT 1/2/4/(38)**

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,  
KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU, KELANTAN.**